



UNTUK SIARAN SEGERA

AIM23: PENGUMUMAN LIMA CALON AKHIR

Kuala Lumpur, 1 September 2022 – Acara industri muzik mengujakan yang dinantikan oleh seluruh industri muzik tempatan serta peminat muzik – lima calon teratas dalam setiap kategori anugerah untuk edisi ke-23 rancangan anugerah muzik tempatan yang paling berprestij, '**Anugerah Industri Muzik**' (AIM) akhirnya diumumkan hari ini oleh Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM).

Seramai **105** calon yang disenarai pendek daripada sejumlah **21** kategori diumumkan dengan pengiraan markah juri yang diaudit oleh firma pengauditan, **Mazars**. Proses penjurian juga ditadbirkan oleh pihak ketiga yang bebas, **Macomm Management Services Sdn. Bhd.**

“Kami dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa RIM menerima jumlah yang memberangsangkan sebanyak **650** pencalonan untuk AIM23. Sebahagiannya boleh dikaitkan dengan tempoh kelayakan 18 bulan yang lebih lama untuk keluaran lagu dan album baru dari **1 Jan '21 – 30 Jun '22**, tetapi ia juga merupakan petunjuk bahawa industri muzik tempatan berada dalam keadaan baik dan dalam perjalanan ke pemulihan selepas pandemik. Penambahan beberapa kategori anugerah baru turut menyumbang kepada peningkatan jumlah pencalonan untuk tahun ini. Kami juga berbesar hati kerana proses penjurian yang ditadbirkan oleh **Macomm Management Services Sdn. Bhd.** berjalan lancar dengan penyertaan kumpulan terpilih penggiat yang disegani dalam industri muzik dan filem tempatan (untuk kategori 'Runut Bunyi (OST) Terbaik Di Dalam Filem/Drama') yang menduduki panel juri” kata Rosmin Hashim, Pengerusi RIM dan Jawatankuasa Penganjur AIM23.

Beliau seterusnya menambah bahawa “proses penjurian untuk dua kategori anugerah pertama - '**Rakaman Lagu Terbaik**' dan '**Rakaman Album Terbaik**' berlangsung di MVM Studio pada **12 Ogos '22**, diikuti dengan kebanyakan kategori anugerah lain pada **15 dan 16 Ogos '22** di **Pullman KLCC**. Penjurian bagi kategori anugerah '**Lagu Terbaik**' yang memilih lagu terbaik daripada **8** kategori anugerah genre lagu berbeza adalah kategori terakhir yang dijuri pada **24 Ogos '22** di **Timeless Studio**.

“Kami juga berdukacita untuk mengumumkan penyingkiran kategori anugerah 'Lagu India Tempatan Terbaik' kerana kebanyakan lagu yang dicalonkan tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, menyebabkan lagu yang tidak mencukupi untuk menduduki 'Top 5' dalam kategori ini,” Rosmin mengulas selanjutnya.

Beliau turut mengumumkan nama-nama juri terkemuka yang menganggotai panel juri pencalonan AIM23 termasuk penggiat industri muzik yang dihormati seperti **LY, Fauzi Marzuki dan Dato' Acis**. Mengetuai keseluruhan proses penjurian sebagai Ketua Juri adalah komposer, arranger, konduktor dan pemain piano jazz terkemuka, **Datuk Mokhzani Ismail**.

Finalis 'Top 5' dalam setiap kategori anugerah yang bertanding dalam AIM23 adalah seperti berikut:

ARTIS BARU TERBAIK		
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK LAGU
1	Rian Shain	Kesumat
2	Aufahanie	Geming Jiwa
3	Vanessa Reynauld	Buat Ku Sempurna
4	Iss Arffan	Tiada Bernoktah
5	Ahmad Syafiq	Duri

PERSEMBAHAN VOKAL TERBAIK DI DALAM LAGU (LELAKI)		
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK LAGU
1	Hafiz Suip	Takluk Cinta
2	Alif Satar & The Locos	Anugerah Terindah
3	Syamel	Bila Kau Tiada
4	Arddley Nicholas	Pilu
5	XPOSE	Jejak

PERSEMBAHAN VOKAL TERBAIK DI DALAM LAGU (WANITA)		
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK LAGU
1	Vanessa Reynauld	Buat Ku Sempurna
2	Ernie Zakri	Sinar Mata Hati
3	Aina Abdul	Nada Kalbu
4	Idayu	Jangan Menangis Cinta
5	Marsha Milan	Cinta

PERSEMBAHAN VOKAL TERBAIK DI DALAM LAGU (BERKUMPULAN)		
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK LAGU
1	Da Unknown	Tersakiti
2	Dolla	Berani
3	Blvckmind Squad	Sembelih
4	V.E	Tunggu
5	Zayne	Kaulah Cinta

PERSEMBAHAN VOKAL DUO/KOLABORASI TERBAIK DI DALAM LAGU		
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK LAGU
1	Hafiz Suip and Ernie Zakri	Berakhirlah Pencarianku
2	Syamel and Ernie Zakri	Goodbye Hello
3	Shila Amzah and Liza Hanim	Bahagiakan Dia
4	Lah Ahmad ft. Aina Abdul	Tunggu Kamu
5	Shuib and Siti Sarah	Semakin Benci Semakin Cinta

KULIT SINGLE/ALBUM TERBAIK			
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK LAGU/ALBUM	PEREKA
1	Salammusik	Borak	Lan Nusa
2	Ziha Salleh	Adat Kasih	Patrick Leong Kok Soong
3	Amylea	Kendati	Amylea Azizan
4	Razak A'ai	Radio	Mohammad Farizie Bin Johari
5	Dayang Nurfaizah	Belagu	Abidin Khairul / Khairul Afiq Khairudin

RAKAMAN LAGU TERBAIK			
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK LAGU	JURUTERA BUNYI
1	Dayang Nurfaizah	Malam Ku Bermimpi	Simon Khoo, Ari Renaldi, Aubrey Suwito
2	Razak A'ai	Aku Setia	AG Coco
3	Dayang Nurfaizah	Tudung Periuk	Simon Khoo, Ari Renaldi, Aubrey Suwito
4	Anand Sadacharam & Surmukhi Raman	Ellame Marenthen	M. Jagathees
5	Alif Satar & The Locos	Anugerah Terindah	Taja Mustapha, Hafizul 'Pij' Hafiz, Felix Voon

RAKAMAN ALBUM TERBAIK			
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK ALBUM	JURUTERA BUNYI
1	Naim Daniel	Fobia	Omar K
2	Yonnyboii	Deluxe Version	Yonnyboii
3	Dayang Nurfaizah	Belagu	Simon Khoo, Ari Renaldi, Aubrey Suwito
4	Sekumpulan Orang Gila (SOG)	Second Voyage	Bert Poncet
5	A.Limin	Sesudah Melakar Langit	Amerul Adri

VIDEO MUZIK TERBAIK			
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK LAGU	PENGARAH
1	SonaOne	Sape Kata	ATG & SonaOne
2	Janna Nick	Gatal	Chuan Looi
3	Joe Flizzow	CIAO	Shahrin Bahar
4	Kmy Kmo, Luca Sickta, Hazama	Makuta	Yusuf Yunus
5	Daiyan Trisha ft. Tuju	Penat	Jasmine Wong and Daiyan Trisha

RUNUT BUNYI (OST) TERBAIK DI DALAM FILEM/DRAMA				
NO.	TAJUK LAGU	NAMA ARTIS	KOMPOSER	PENULIS LIRIK
1	Coretan Pilu	Awie	Ikhwan Fatana & Wan Saleh	Ikhwan Fatana & Wan Saleh
2	Khila Asmara	Shila Amzah	Amylea	Amylea
3	Memandangmu	Aidit Alfian & Teguh Budiman	Aidit Alfian	Aidit Alfian/Raja Ahmad Mukhlis/Bakhtiar Effendy
4	Cinta	Marsha Milan	Bunga Cantik, Hang Nadim	Hang Nadim
5	Bahagiakan Dia	Shila Amzah & Liza Hanim	Aliff Iskandar	Aliff Iskandar & Que Afiq

LAGU POP ETNIK TERBAIK				
NO.	TAJUK LAGU	NAMA ARTIS	KOMPOSER	PENULIS LIRIK
1	Anakanda	Dato' Sri Siti Nurhaliza	Pown Hasril, Kaim Karam, Jack Jafni	Rozi Sang Dewi
2	Kucuma	Wany Hasrita and Dato' Jamal Abdillah	A. Ramlee & Ezra Kong	A. Ramlee & Ezra Kong
3	Intan Payung	Bunga ft. Noraniza Idris	Luca Sickta, Bungam Amzar Razqa	Bunga, Sigma
4	Adat Kasih	Ziha Salleh	Aubrey Suwito	Tinta
5	Sang Purnama	Wany Hasrita and Wani Syaz	Sang Hitam, Mas Dewangga, Aden King	Sang Hitam

LAGU NASYID TERBAIK				
NO.	TAJUK LAGU	NAMA ARTIS	KOMPOSER	PENULIS LIRIK
1.	Syuhud Qalbu	Fitri Haris x Zarul Umbrella	Azmeer	Azmeer & Fitri Haris
2.	Thank You Allah	Alyah ft. Cat Farish & Ustaz Haris	Alyah, Ikhwan Fatanna, Omar K	Alyah, Ikhwan Fatanna, Omar K, Cat Farish, Ustaz Haris
3.	Selimut Kasih	Inteam	Syah Inteam	Ahmad Fedtri Yahya
4.	Hasbunallah	One Path	Ustaz Adnin, Shafiq One Path, Afiq One Path, Haseef/One Path, Ammar One Path.	Ustaz Adnin
5.	Linangan Laduni	Darwish	Harry Khalifah	Yabang Khalifah

LAGU ROCK TERBAIK				
NO.	TAJUK LAGU	NAMA ARTIS	KOMPOSER	PENULIS LIRIK
1	Toxic	Alif Satar & The Locos	Alif Satar, Faliq Auri, Rajwan Juni, Tam Cobain, Efry Arwis	Alif Satar, Faliq Auri, Rajwan Juni, Tam Cobain, Efry Arwis
2	Tugu Ugut	Sekumpulan Orang Gila	Nazrin	Ajim Juxta
3	Korang	Bunkface	Sam Bunkface, Paan, Youk, Epul Kuat, Izzy Musa, Shahir	Sam Bunkface, Paan, Youk
4	DUIT!	Stacy	Bunga Cantik, Hang Nadim	Bunga Cantik
5	I Miss You	Bunkface	Sam Bunkface, Paan, Youk, Biak	Sam Bunkface, Paan, Youk, Biak

LAGU POP TERBAIK				
NO.	TAJUK LAGU	NAMA ARTIS	KOMPOSER	PENULIS LIRIK
1	Alah Bisa	Faizal Tahir and Amira Othman	Glow Rush, Faizal Tahir, Nick Ariff, Acap Salim, Mage	Glow Rush, Faizal Tahir, Nick Ariff, Acap Salim, Mage
2	Penat	Daiyan Trisha ft. Tuju	Daiyan Trisha, Tuju	Daiyan Trisha, Tuju, Loca B
3	Goodbye Hello	Syamel and Ernie Zakri	Ernie Zakri, Syamel, Faizal Tahir, Mike Chan	Ernie Zakri, Syamel, Faizal Tahir, Mike Chan
4	Perpisahan	Khai Bahar	Rudy Nastia, Shamin Nazri & Adi Pawana	Rudy Nastia, Shamin Nazri & Adi Pawana
5	Kelentang Kelentong	Hael Husaini	Hael Husaini & Ezra Kong	Hael Husaini & Ezra Kong

LAGU R&B/HIP HOP TERBAIK				
NO.	TAJUK LAGU	NAMA ARTIS	KOMPOSER	PENULIS LIRIK
1	Tak Sangka	Yonnyboii, Zynakal, Asyraf Nasir	Yonnyboii, Zynakal, Ayraf Nasir	Yonnyboii, Zynakal, Ayraf Nasir
2	CIAO	Joe Flizzow	Joe Flizzow, MK, Jay Park, Magic Potions	Joe Flizzow, Jay Park
3	Orang Lain	A. Nayaka, Joe Flizzow, Yonnyboii	A.Nayaka, SonaOne, YHB Sleepsalot, Joe Flizzow, Yonnyboii, Airliftz, SYA, SENNA & Zynakal	A.Nayaka, SonaOne, YHB Sleepsalot, Joe Flizzow, Yonnyboii, Airliftz, SYA, SENNA & Zynakal
4	Tunggu	V.E	Zaf, Adeep, Uno and AJ	Adeep, Zaf and Cham
5	Disentuhi Cinta	Suzanne Low	Yu Heng	Slen Fadzil

LAGU POP ELEKTRONIK/DANCE TERBAIK				
NO.	TAJUK LAGU	NAMA ARTIS	KOMPOSER	PENULIS LIRIK
1	Narsis	Elizabeth Tan ft. Zynakal	Brendan Lim, Seng Meng, Seow Seng Tack, Wee Zhen Yong, Zynakal	Brendan Lim, Seng Meng, Seow Seng Tack, Wee Zhen Yong, Zynakal
2	Fun, Lust, Love	Late Night Frequency	Moja LNF	Moja LNF
3	VETO	DJ CZA feat. TUJULOCA & MK	DJ CZA	TUJULOCA & MK
4	Amaran	Siti Nordiana & Bunga	Mas Dewangga, Firdaus Rahmat	Mas Dewangga, Firdaus Rahmat, Bunga
5	Panggil Sayang	Syeera Aziz	Shazee Ishak, Audi Mok	Shazee Ishak, Audi Mok

LAGU INGERIS TEMPATAN TERBAIK				
NO.	TAJUK LAGU	NAMA ARTIS	KOMPOSER	PENULIS LIRIK
1	So In Love	TY:Del	Ritchie Retita, Timothy Long, Carlson Kam, Roshan Sundram	Timothy Long
2	My World Too	Fatia	Aubrey Suwito	Aubrey Suwito and Lin Li Zhen
3	Game of Charades	Sophia Zuhri	Sophia Zuhri	Sophia Zuhri
4	Acknowledge	Astor Walk	Astor Walk	Astor Walk
5	We Go Up	Athalia	Athalia Buswani and Bryan Bouro	Athalia Buswani and Bryan Bouro

LAGU CINA TEMPATAN TERBAIK				
NO.	TAJUK LAGU	NAMA ARTIS	KOMPOSER	PENULIS LIRIK
1	Yu Ni	FS (Fuying & Sam)	Li Zhen Yu	Zhang Guo Xiang
2	Suan Shen Me	Uriah	Uriah	Jue Ying
3	Zhi Dao Wo Men Yu Jian Ai	Suzanne Low	Chow Yee Hang	Wong San San
4	Wu Ren Qian Shou De Xin Fu	Uriah	Uriah/ Jia Wang	Hong Jian Rui
5	Someday	Suzanne Low feat. Gaston	Chow Yee Hang/Gaston	Wong San San/Gaston

LAGU MELAYU TERBAIK YANG DIPERSEMBAHKAN OLEH ARTIS LUAR NEGARA		
NO.	TAJUK LAGU	NAMA ARTIS
1	Masih	Rossa
2	Tak Ingin Usai	Keisya Levronka
3	Bismillah Cinta	Ungu & Lesti
4	Terlalu Berharap	Rossa
5	Memilih Aku	Arsy Widiyanto, Tiara Andini

SUSUNAN MUZIK TERBAIK DI DALAM LAGU			
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK LAGU	ARRANGER
1	Bihzhu	Chendering	Idris Koh Keng Hui
2	Thiagu Murugesu, Anand Sadacharam, Karthikeyan	Ellame Marenthen	Thiagu Murugesu
3	Dayang Nurfaizah	Malam Ku Bermimpi	Aubrey Suwito
4	Dayang Nurfaizah	Tudung Periuk	Aubrey Suwito
5	Vanessa Reynauld	Buat Ku Sempurna	Adib Hussein, Mage, Faizal, Mike Chan

ALBUM TERBAIK			
NO.	NAMA ARTIS	TAJUK ALBUM	PENERBIT
1	Ramayan	Di Persiaran Cakrawala	Ramayan
2	Tuju	Tuju Untuk Kamu 18/19	Mingaling, Saucie J, Meerfly
3	Sekumpulan Orang Gila (SOG)	Radicalism	Bert Poncet
4	Yonnyboii	Yonny (Deluxe Version)	Wolfy
5	A. Limin	Sesudah Melakar Langit	Amerul Ishraf Adri

“Kami hampir tiba masanya mengira hari, minit dan saat ke malam yang paling glamor di negara ini. Anugerah Industri Muzik Ke-23 akan menjadi malam untuk kecemerlangan muzik.

Astro sekali lagi menjadi rakan media RIM dalam pementasan dan penyiaran malam penuh bintang artis ini yang akan padat dengan persembahan yang tidak dapat dilupakan dan sudah tentu, para pemenang melakar detik kegemilangan mereka,” kata Norzеха Mohd Salleh, Ketua Astro Ria, Prima dan Warna.

“Astro menjanjikan gabungan persembahan artis yang eklektik dan serba boleh; daripada diva pentas yang mendapat pujian secara kritis, kepada muka baru dan segar.

Bintang-bintang akan bersinar terang dengan penyampai dari semua lapisan masyarakat, mewakili kepelbagaian industri hiburan Malaysia. Barisan penyampai yang menakjubkan ini akan memastikan malam itu berada dalam suasana yang baik,” katanya.

“Sekali lagi, Astro ingin mengulangi dedikasi kami dalam menyokong persada muzik tempatan. Bakat tempatan adalah penting dalam memastikan kemampanan industri muzik, seperti yang kita sedia maklum dua tahun yang lalu yang telah mencabar ramai penggiat industri muzik tempatan. Dengan peningkatan bakat dan lagu-lagu inovatif yang tercetus daripada persada muzik tempatan, kami berbesar hati untuk mengatakan bahawa senario muzik tempatan berada di sini untuk kekal dan menguasai gelombang udara untuk selamanya.

“Tontoni Anugerah Industri Muzik Ke-23 pada **11 September, 9 malam melalui Astro Ria (104)**. Sebagai alternatif, pelanggan Astro boleh menstrimnya melalui Astro GO atau On Demand. AIM23 juga disokong oleh Astro Radio, sebagai rakan radio rasmi” tambah Norzeha.

Sila rujuk lampiran untuk senarai lengkap para juri yang mengambil bahagian panel juri AIM23.

Untuk maklumat lanjut tentang RIM dan aktivitinya, sila layari www.rim.org.my . Untuk semua urusan AIM, sila layari www.aim.org.my.

- TAMAT-

Dikeluarkan oleh Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)

Untuk keterangan media, sila hubungi:

Jayne Kam – 012-2590123 | jaynekam@rim.org.my

Mengenai Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)

RIM adalah persatuan tanpa-untung (non-profit association) yang mewakili sejumlah 370 syarikat rakaman tempatan dan antarabangsa yang beroperasi di Malaysia. Antaranya termasuk syarikat rakaman antarabangsa besar seperti Universal Music, Warner Music, Sony Music Entertainment dan Rock Records; serta syarikat rakaman tempatan persendirian seperti Hup Hup (Life Records), New Southern Records (NSR), Suria Records (SRC), Nova Music dan Kelarai Sakti. RIM juga merupakan ahli Kumpulan Kebangsaan Persekutuan Industri Fonografik Antarabangsa (IFPI) yang mewakili industri rakaman di seluruh dunia dengan lebih daripada 8,000 ahli di 70 negara. Sebagai badan yang mewakili industri rakaman Malaysia sejak tahun 1978, RIM telah melaksanakan pelbagai aktiviti demi pembangunan industri muzik tempatan termasuk melalui penerbitan Carta RIM, carta mingguan yang menyenaraikan 10 lagu tempatan dan antarabangsa dengan penstriman tertinggi di Malaysia. RIM juga telah mengelola forum muzik, seminar muzik di institusi pendidikan tinggi dan menyelaras lawatan ke persidangan muzik antarabangsa (seperti MIDEM, ALL THAT MATTERS) untuk manfaat ahlinya. RIM juga adalah penganjur Anugerah Industri Muzik (AIM), iaitu anugerah yang paling berprestij di Malaysia.

Antara sasaran dan objektif RIM termasuklah mengekal dan menjalinkan etika perniagaan yang adil di kalangan ahli, mewujudkan dan mempromosi hak pemilik rakaman bunyi dan video melalui kes-kes undang-undang statut atau kontrak dan melalui perjanjian serta konvensyen yang membantu mempertahankan, memelihara dan memajukan kesemua aspek tersebut. Persatuan ini juga bertanggungjawab menjaga minat terhadap penerbitan produk rakaman audio serta video dengan membuat perwakilan dalam rundingan bersama kerajaan tempatan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan badan-badan lain yang berkepentingan di Malaysia. Ia juga berperanan memajukan dan melindungi masa depan kebajikan ahli melalui usaha anti-cetak rompak oleh badan berkuasa dengan cara yang ditetapkan selain menjaga kebajikan ahli dengan sebarang cara yang sah untuk memfailkan sebarang aduan dan kes dengan mana-mana agensi kerajaan dan mahkamah serta mengambil semua tindakan yang wajar yang diluluskan oleh ahli majlis untuk melindungi hak serta kepentingan ahli. Ia juga berperanan memohon dan menerima geran, derma, sumbangan atau sumber kewangan untuk tujuan memajukan serta mencapai objektif persatuan.